

(1973)

KUALA LUMPUR, 21 FEB (BERNAMA) -- DEWAN NEGARA HARI INI MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALANRAYA DAN KERETA BERMOTOR (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN) YANG MEMBERIKAN HUKUMAN-HUKUMAN KERAS BAGI KESALAHAN-KESALAHAN LALULINTAS.

RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT YANG DIBENTANGKAN OLEH MENTERI PERHUBUNGAN, TAN SRI SARDON BIN HAJI JUBIR ADALAH MENGENAI KESALAHAN-KESALAHAN SAPERTI MELEBEHI HAD LAJU, DAN JUGA MENGADAKAN SYARAT-SYARAT MENGGANTONGKAN LESEN-LESEN KERETA.

TAN SRI SARDON BERKATA, PINDAAN DALAM RANG UNDANG-UNDANG ITU ADALAH BERTUJUAN SUPAYA TINDAKAN DAPAT DIAMBIL TERHADAP PEMANDU DAN JUGA TUAN-TUAN PUNYA KERETA PERDAGANGAN SAPERTI LORI, VAN, TEKSI DAN BAS YANG SELAMA INI DAPAT MELEPASKAN DIRI DENGAN KESALAHAN-KESALAHAN MEREKA.

SENATOR (DR) MAHATHIR MOHAMED KETIKA MEMBAHAS RANG UNDANG-UNDANG ITU MENYERU SUPAYA SATU SISTEM JALANRAYA BARU DIBINA DENGAN MENGELAKKAN BANDAR-BANDAR YANG BESAR.

KATANYA, SEBAB BANYAK KEMALANGAN JALANRAYA BERLAKU BUKAN SAJA KERANA KECUAIAN PEMANDU-PEMANDU TETAPI JUGA KERANA KETIADAAN JALAN-JALAN RAYA YANG BAIK. -BERSAMBUNG. 1820/1D

629:

NEGARA-SARDON 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENSIFATKAN KEBANYAKAN JALANRAYA SEKARANG SEBAGAI LAYAK UNTUK KERETA LEMBU. JALAN-JALAN RAYA ITU HANYA BARU DITURAP, TETAPI MASIH LAGI BANYAK MEMPUNYAI SELEKOH-SELEKOH.

BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA KERAJAAN MENGENAKAN BAYARAN +TOL+ BAGI MENDAPATKAN SEMULA BELANJA UNTUK MEMBINA JALAN-JALAN RAYA BARU ITU.

TAMBAHNYA, KERAJAAN HENDAKLAH JUGA MEMBENARKAN SYARIKAT-SYARIKAT SUWASTA MEMBINAJALANRAYA DAN JEMBATAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGADAKAN KEMUDAHAN JALANRAYA ITU.

KATANYA, SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT KEMUDIAN DIBENARKAN PULA MEMUNGUT BAYARAN TOL BAGI SATU JANGKA MASA YANG DITENTUKAN SEBELUM JALAN ITU DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN.

BELIAU BERKATA, BELIAU TELAH DIFAHAMKAN BAHAWA PEHAK SUWASTA BERSEEDIA MEMBINA JEMBATAN UNTUK MENGHUBUNGAN PULAU PINANG DENGAN TANAH BESAR, JIKA MEREKA DIBENARKAN MEMUNGUT BAYARAN TOL SELAMA 15 TAHUN. -BERSAMBUNG. 1825/1D

NEGARA-SARDON 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYERU SUPAYA MENYAMAKAN 1 SYARAT-1 SYARAT DAN TANDA-TANDA JALANRAYA SERTA TANDA BATU (JAUH) DI SEMUA NEGERI SUPAYA TIDAK MENGELIRUKAN PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA.

SENATOR WONG SENG CHOW PULA MENYERU SUPAYA MENGADAKAN REBOLUSI METAL BAGI PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA SUPAYA MEREKA LEDIH CERMAT APABILA MENGGUNAKAN JALANRAYA.

BELIAU MENYERU KERAJAAN SUPAYA MENYIASAT TENTANG LAPURAN MENGENAI +LESEN KOPI O+ DAN MENGGESA JABATAN PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA BERMOTOR SUPAYA LEBIH KETAT DALAM MENGENDALIKAN UJIAN-UJIAN BAGI PEMANDU-PEMANDU BARU UNTUK MENDAPATKAN LESEN.

SENATOR WONG MEMINTA SUPAYA TINDAKAN LEBIH KETAT DIAMBIL TERHADAP PEMANDU-PEMANDU KERETA YANG MENGANGGAP JALAN-JALAN RAYA SEBAGAI GELANGGANG LUMBA KERETA.

KATANYA, TINDAKAN MENGENAKAN DENDA YANG LEBIH BERAT DAN PEMBATALAN LESEN PEMANDU TIDAKLAH MEMADAI.

PEMANDU-PEMANDU YANG MENYEBABKAN KEMATIAN DI JALAN RAYA HENDAKLAH DI SALAHKAN SEBAGAI PENDUHUH. -BERSAMBUNG. 1832/1D

UT 1
NEGARA-SARDON 4 KUALA LUMPUR

116

SENATOR SHAARI JUSOH MINTA HUKUMAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KENDERAAN-KENDERAAN YANG TERLIBAT DAN BERSALAH DALAM SESUATU KEMALANGAN JALANRAYA HENDAKLAH MENGIKUT KECIL BESAR KENDERAAN. LAGI BESAR KENDERAAN ITU LAGI BERAT HUKUMAN TERHADAPNYA.

BELIAU JUGA MENYERU KEMENTERIAN ITU MEMBERIKAN LESEN-LESEN TEKSI ATAU MENGADAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN BAS DI JALAN-JALAN BARU KE KAMPUNG-KAMPUNG.

TIDAK ADA ERTINYA JALAN-JALAN ITU SEKIRANYA RAKYAT BERJALAN KAKI JUGA, KATANYA.

DR. LIM AH SITT HAIRAN KENAPA KEMALANGAN SEKARANG SEMAKIN MENJADI WALAUPUN KEMPEN-KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA DIGIATKAN.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA SEMUA BASIKAL DILESENKAN SETIAP TAHUN DAN LESEN-LESEN ITU HANYA DIPERBAHARUI SEKIRANYA LENGKAP DENGAN LAMPU DAN BEREK YANG BAIK.

BELIAU MENERANGKAN BAGAIMANA BANYAK BASIKAL DI LUARBANDAR YANG TIDAK DILENGKAPI DENGAN LAMPU YANG MERUPAKAN SUATU ANCAMAN TERHADAP PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA LAIN DIWAKTU MALAM. -BERSAMBUNG. 1919/ID

648
NEGARA-SARDON 5 KUALA LUMPUR

DATUK MANSUR MAHMUD MENGESYORKAN SUPAYA DITUBUHKAN +FLYING SQUAD+ SUKARELA SELAIN DARIPADA FLYING SQUAD YANG DITUBUHKAN DIBAWAH RANG PINDAAN ITU.

MEREKA INI HARUS TERDIRI DARI AHLI-AHLI PARLIMEN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN YANG BOLEH MENAHAN DAN MENCATIT NOMBOR-NOMBOR KENDERAAN YANG MELEBEHI HAD LAJU.

SENATOR HAJI ABDUL RAHMAN MOHAMED MINTA TINDAKAN TEGAS DIAMBIL TERHADAP KENDERAAN-KENDERAAN YANG MELEBIHI HAD LAJU YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JABATAN KENDERAAN JALANRAYA.

SENATOR DATUK NIK HASSAN MENYEBUT TENTANG ADANYA KEJADIAN MEMBERI RASUAH DI SEKATAN-SEKATAN JALANRAYA DAN KHUATIR DENGAN ADANYA PINDAAN YANG LEBIH KUAT INI KEGIATAN RASUAH ITU AKAN BERTAMBAH.

KOMPLOTRAN SEPERTI INI MISTILAH DIHANCURKAN, TEGASNYA.
-BERSAMBUNG. 1922/ID

649:

NEGARA-SARDON 6, KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA KESAL JABATAN KERJARAYA YANG MEMECAH JALANRAYA TANPA MENURAP SEMULA DENGAN SEGERA, DAN DISETENGAH-SETENGAH TEMPAT TIDAK PULA MEMBERIKAN TANDA AMARAN.

SENATOR ATHI NAHAPPAN MINTA DIADAKAN PENDIDIKAN KEPADA SEMUA PENGGUNA-PENGGUNA JALANRAYA DAN BUKAN SAHAJA KEPADA MURID-MURID SEKOLAH, UNTUK MEMPUK KESEDARAN TERHADAP TINGKAH LAKU MEREKA WAKTU MEMANDU DAN MENGGUNAKAN JALANRAYA.

SENATOR ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM MINTA DIKENAKAN HUKUMAN YANG LEBIH KERAS TERHADAP PEMANDU-PEMANDU YANG MINUM MINUMAN KERAS. -BERSAMBUNG. 1924/ID

650:

NEGARA-SARDON 7 KUALA LUMPUR

KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN KEATAS RANG UNDANG-UNDANG ITU, TAN SRI SARDON BERKATA KERJASAMA DARI SEMUA PEHAK ADALAH SANGAT DIHARAPKAN BAGI MENGURANGKAN BILANGAN KEMALANGAN JALANRAYA.

TAMBAHNYA, MAJLIS KESELAMATAN JALANRAYA MALAYSIA SEDANG BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN MENDIDIK PENUNTUT-PENUNTUT SEKOLAH MENGENAI KESELAMATAN JALANRAYA DAN UNDANG-UNDANG LALULINTAS.

MENTERI ITU BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERTUJUAN MENGENAKAN BAYARAN TOL KEATAS JALAN-JALAN RAYA DAN JEMBATAN SELAGI ADA CARA LAIN BAGI MENDAPATKAN PERBELANJAAN BAGINYA. -BERNAMA. 1926/ID